

PENEROKAAN TERHADAP KEPERLUAN KOMPETENSI PENDAKWAH DALAM MASYARAKAT ORANG ASLI

AN EXPLORATION ON THE NEED FOR COMPETENCY OF ORANG ASLI COMMUNITY PREACHERS

**Ayuni Nazuha Mohd Rosli, Abdul Ghafar Don*, Mohamad Zulkefli Abd.Ghani,
Anuar Puteh, Razaleigh @Kawangit & Zulkefli Aini**
*Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
a.g.don@ukm.edu.my**

ABSTRACT

Orang Asli communities always associated with backwardness in various sectors of life: Economy, social, politic, education religion. Da'wah efforts are part of agenda in developing the life of Orang Asli society towards a better life. It has been implemented by various parties, whether government religious and da'wah organisations or non-government da'wah organisations (NGOs). However, the preaching effort and approach still needs improvement, especially from the point of view of providing directed guidelines and more in line with developing several constructs that are needed for the guidance of preachers in the field. This article attempts to find and analyse the need for producing of guidelines that can be used by preachers in Orang Asli villages, especially by the Orang Asli Community Mobiliser (PMOA), Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). The data for this study was obtained through exploration of documents related to the subject of the study such as journals, books, JAKIM written documents, websites and others. The data obtained were analysed thematically by forming themes related to the construction of guidelines for preachers in the Orang Asli community. The study is a preliminary research on the need for the construction of guidelines for preachers of the Orang Asli community. An initial review based on the analysis of the available literature found that there are five important constructs that need to be the guidelines of the preacher of the Orang Asli community, namely: Knowledge, approach, content, skills and attitude. The article, however limits the discussion to knowledge constructs and approaches only. The implication of the study is that preachers need to master these two competencies, which are aspects of knowledge and approach, in addition to three other aspects of competence, which are content, skills and attitude.

Keywords: Mastery of knowledge, construct, approach, Orang Asli, da'wah

ABSTRAK

Masyarakat Orang Asli seringkali diasosiasikan dengan ketinggalan dalam pelbagai sektor kehidupan: Ekonomi, sosial, politik, pendidikan dan agama. Usaha-usaha dakwah adalah sebahagian daripada agenda membangunkan kehidupan masyarakat Orang Asli ke arah yang lebih baik. Ianya telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak sama ada organisasi agama dan dakwah kerajaan mahupun badan dakwah bukan kerajaan (NGO). Namun, usaha dan pendekatan dakwah tersebut masih memerlukan penambahbaikan khususnya dari sudut menyediakan garis panduan yang terarah dan lebih selaras dengan membangunkan beberapa konstruk yang diperlukan bagi panduan pendakwah di lapangan. Artikel ini cuba mengemukakan dan menganalisis keperluan pembinaan konstruk garis panduan yang boleh digunakan pendakwah di perkampungan Orang Asli khususnya oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(JAKIM). Data kajian ini diperolehi melalui penerokaan terhadap dokumen-dokumen berkaitan subjek kajian seperti jurnal, buku, dokumen bertulis JAKIM, laman web dan lain-lain. Data-data yang diperolehi dianalisis secara tematik dengan membentuk tema-tema berkaitan konstruk garis panduan pendakwah masyarakat Asli. Kajian ini adalah penelitian awal terhadap keperluan konstruk garis panduan pendakwah masyarakat Orang Asli. Tinjauan awal berdasarkan analisis terhadap literatur yang ada mendapat lima konstruk penting yang perlu menjadi garis panduan pendakwah masyarakat Asli, iaitu: Pengetahuan, pendekatan, kandungan, kemahiran dan sikap. Artikel ini hanya membataskan perbincangan kepada konstruk pengetahuan dan pendekatan sahaja. Implikasi kajian ini ialah pendakwah perlu menguasai dua kompetensi iaitu aspek pengetahuan dan pendekatan di samping tiga lagi aspek kompetensi iaitu kandungan, kemahiran dan sikap.

PENGENALAN

Usaha mengembangkan dakwah dalam kalangan masyarakat Orang asli telah banyak dijalankan oleh pelbagai agensi sama ada badan dakwah kerajaan dan badan dakwah bukan kerajaan (NGO) (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Kegiatan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli menjadi antara agenda penting yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memastikan ilmu agama Islam itu dapat dihayati oleh semua masyarakat seluruhnya. Agenda dakwah JAKIM terhadap komuniti Asli secara khusus dipertanggungjawabkan terhadap Penggerak Masyarakat Orang asli (PMOA) yang sudah pasti memerlukan penguasaan ilmu pengetahuan yang baik khususnya ilmu agama.

Selain itu, aspek pendekatan juga penting dalam memastikan dakwah disampaikan dengan cara yang betul dan berkesan. Pendakwah justeru itu memerlukan pendekatan yang khusus dengan mengambil kira latarbelakang kehidupan mereka meliputi aspek-aspek kepercayaan, adat, pantang larang, tahap pendidikan, sosio-ekonomi dan persekitaran yang melingkungi mereka. Sehubungan dengan itu, pendakwah khususnya PMOA perlu menguasai aspek kompetensi berkaitan pengetahuan dan pendekatan yang membolehkan mereka berdakwah secara berkesan terhadap komuniti Asli.

TINJAUAN LITERATUR

Berkaitan konstruk pengetahuan al-Quran menjelaskan dalam surah al-Taubah ayat 122 yang bermaksud:

“Dan tidak sepatutnya orang-orang mukmin itu semuanya pergi (ke medan perang). Mengapa sebahagian dari setiap golongan di antara mereka tidak pergi untuk memperdalam pengetahuan agama mereka dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali, agar mereka dapat menjaga dirinya”.

Ayat ini menjelaskan keperluan pendakwah menguasai dan mendalami aspek pengetahuan sama ada ilmu pengetahuan berkaitan agama bagi menyampaikan mesej Islam yang betul atau pun pengetahuan berkaitan isu semasa dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan tugas penyampaian dakwah. Hal ini selaras dengan apa yang dinyatakan Al-Maraghi (1974) ketika mentafsirkan maksud ‘taffāqqūh fi al-dīn’ dalam ayat ini sebagai inisiatif memperdalamkan ilmu agama. Azyumardi Azara (2003) menambah bahawa pemahaman yang mendalam adalah dengan mengerahkan potensi akal. Tujuannya adalah untuk membimbing kaumnya, mengajar dan memberi peringatan kepada mereka tentang akibat dari kejahilan dan tidak mengamalkan apa yang

diketahui, dengan harapan agar mereka takut kepada Allah dan berhati-hati terhadap akibat kemaksiatan, di samping agar seluruh kaum Mukminin mengetahui agama mereka, mampu menyebarkan dakwahnya dan membelaanya serta menerangkan rahasia-rahasianya kepada seluruh umat manusia.

Pandangan ahli tafsir dan sarjana berkaitan ayat tersebut menjadi asas kepada kepentingan penguasaan pengetahuan dalam kalangan pendakwah termasuklah pendakwah masyarakat Asli, khususnya Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). Ini penting bagi mengelakkan berlaku fitnah kepada dakwah apabila pendakwah tidak dapat menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan masyarakat berkaitan isu-isu keagamaan.

Dalam kajian yang menyentuh tentang dakwah masyarakat orang asli. Antaranya membincangkan mengenai cara berdakwah, cabaran dan kehidupan masyarakat Orang Asli. Dalam kajian Jamilah & Engku Ahmad Zaki (2017) membincangkan tentang aktiviti dakwah yang dilaksanakan terhadap masyarakat orang asli dan cabaran dalam pelaksanaannya. Kajian mendapati bahawa telah banyak aktiviti yang dianjurkan oleh pihak JAKIM terhadap masyarakat Orang Asli, namun sambutan dan penghayatan mereka kepada ajaran Islam masih lemah dan kurang memuaskan. Hal ini berlaku kerana kekurangan pendakwah yang berkompetensi dalam melaksanakan dakwah dengan baik. Menurut Syed Abdurrahman (2010) seseorang pendakwah perlu memiliki penguasaan ilmu, ketahanan mental, fizikal dan kerohanian yang tinggi. Dalam kajian ini menumpukan kepada penguasaan ilmu dalam kalangan pendakwah, terutama pendakwah masyarakat orang asli. Selaras dengan kajian Ismail Naim (2019) yang mengemukakan tentang kepentingan dalam aspek pengetahuan dan kemahiran terhadap pendakwah masyarakat orang asli. Kepentingan konstruk pengetahuan terhadap pendakwah masyarakat orang asli memberi gambaran terhadap pendakwah yang berkompetensi dalam berdakwah. Analisis kajian mendapati bahawa pendakwah yang mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi sangat diperlukan dalam medan dakwah masyarakat orang asli.

Manakala dalam aspek pendekatan pula, Surah al-Nahl, ayat 125 menjelaskan tiga prinsip utama berkaitan pendekatan, iaitu *hikmah*, *maw'izah hasanah* dan *mujadalah billati hiya ahsan*. Namun demikian, prinsip hikmah berdasarkan pandangan sarjana Islam seperti Dr Ali Jarisyah merujuk kepada maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Konsep dan pendekatan hikmah ini sebenarnya telah merangkumi juga pendekatan *maw'izah hasanah* dan *mujadalah billati hiya ahsan*. Penguasaan terhadap pendekatan akan memastikan dakwah dapat disampaikan kepada sasaran dengan kaedah dan cara yang berkesan. Selaras dengan kajian Mohd Zairul (2018) mengenalpasti tentang pendekatan dakwah *bi al-Hal* terhadap dakwah masyarakat orang asli yang digunakan oleh pendakwah agensi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga bidang utama dalam dakwah *bi al-Hal* yang digunakan oleh organisasi kerajaan iaitu melalui pendekatan kebijakan, pendidikan dan sosio-ekonomi. Dengan pendekatan ini dapat membantu menarik minat masyarakat orang asli terhadap Islam. Cara pendekatan dengan menyantuni masyarakat orang asli dalam bidang kemasyarakatan dan kegamaan serta mempunyai akhlak yang baik juga mampu memberi kesan positif dalam dakwah. Masyarakat orang asli lebih mudah menerima Islam jika pendakwah bersikap lembut dalam percakapan serta menjaga setiap tingkah laku yang boleh mencerminkan imej Islam itu sendiri (Zulkefli Aini & Faiz Rahim, 2020).

Implikasi daripada kajian-kajian lepas mendapati bahawa pelbagai kelemahan dan kekurangan yang berlaku dalam gerak kerja dakwah terutama dalam aspek persediaan diri

pendakwah sendiri. Maka keperluan pendakwah dalam menekankan aspek utama dalam berdakwah seperti aspek pengetahuan, pendekatan, pendekatan, kandungan dan sikap diri pendakwah patut dikuasai oleh pendakwah. Menguasai aspek tersebut dapat membentuk pendakwah yang berkompotensi dalam medan dakwah Islam. Oleh itu, kajian ini menekankan dua aspek utama yang diperlukan dalam melaksanakan dakwah iaitu keperluan pendakwah terhadap aspek pengetahuan dan pendekatan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen iaitu pemerhatian terhadap tinjauan literatur (Cresswell, 2000 & Othman Lebar. 2007). Data kajian diperolehi melalui penerokaan terhadap dokumen-dokumen berkaitan subjek kajian seperti jurnal, buku, dokumen bertulis JAKIM, laman web dan lain-lain. Data-data yang diperolehi dianalisis secara tematik dengan membentuk tema-tema berkaitan konstruk garis panduan masyarakat orang Asli. Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data dan membentuk tema yang bersesuaian dengan kajian. Kajian ini adalah penelitian awal terhadap keperluan konstruk garis panduan pendakwah masyarakat orang Asli. Analisis terhadap tinjauan literatur mendapati beberapa konstruk yang boleh dibina mengikut tema-tema berkaitan konstruk garis panduan pendakwah orang Asli iaitu tema dalam aspek pengetahuan, pendekatan, kandungan, kemahiran dan sikap. Dalam kajian ini hanya menfokuskan kepada dua konstruk sahaja iaitu konstruk pengetahuan dan pendekatan.

Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian ini diperolehi melalui analisis dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti artikel jurnal, buku dan laman web. Sebagai contoh, laman web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), artikel jurnal yang berkaitan dengan dakwah dan pendakwah masyarakat orang asli serta ayat-ayat al-Quran dianalisis bagi membina kerangka konsep kajian. Kerangka konsep kajian yang berkaitan dengan kompetensi pengetahuan dan pendekatan dakwah adalah berdasarkan kajian literatur hasil analisis dokumen.

Pengesahan dan Persetujuan Item

Item atau elemen dalam kerangka konsep kajian yang dibina dalam bentuk soalan soal selidik telah mendapat pengesahan dan persetujuan daripada pakar yang terdiri daripada seorang Pegawai Dakwah di Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan dua orang pensyarah Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah orang Asli. Pertemuan bersama pakar adalah secara bersemuka. Pelaksanaan pengesahan dan persetujuan soal selidik oleh pakar adalah bertujuan untuk mengenalpasti ketepatan item atau elemen dalam konstruk kompetensi yang dibina agar selari dengan persoalan dan objektif kajian. Hasil daripada pandangan pakar-pakar tersebut, pengkaji telah membuat penambahbaikan dan penyesuaian terhadap item atau elemen tertentu mengikut keperluan kajian.

Analisis Data

Data kajian telah dianalisis secara tematik berdasarkan tema-tema khusus yang telah ditetapkan iaitu tentang aspek kompetensi pendakwah daripada sudut pengetahuan dan pendekatan. Terdapat tiga elemen pengetahuan dan enam elemen pendekatan dalam kerangka kompetensi pendakwah.

KONSTRUK PENGETAHUAN PENDAKWAH

Keperluan utama pendakwah dalam menyampaikan dakwah adalah dengan memastikan kandungan yang disampaikan haruslah berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Panduan tersebut dijadikan kandungan utama dalam setiap penyampaian dakwah kerana tiada kesesatan baginya. Seperti yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Malik;

تَرْكُتُ فِينِكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضْلُّوا مَا تَمَسَّكُمْ بِهِما : كِتَابَ اللَّهِ وَ سُنْنَةَ رَسُولِهِ

Maksudnya: *Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagi mana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah Nabi-Nya*.

Menurut Ibrahim bin Muhammad bin Hamzah al-Husaini (2018), hadith ini disabdakan oleh Rasulullah bersempena haji wada' (haji perpisahan) sebagai ucapan terakhir Rasulullah SAW. Ia mengandungi pesanan yang berharga agar umat Islam berpegang teguh kepada al-Qur'an dan hadith. Justeri, ia menunjukkan kepentingan hadith ini kepada umatnya selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW.

Menurut Zikmal Fuad & Noorhafifah (2019) pendidikan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dapat membimbing saudara baru untuk mempelajari ilmu agama Islam dengan lebih mendalam terutama golongan masyarakat Orang Asli. Penyampaian isi kandungan yang berkualiti mampu menghasilkan keberkesanan yang tinggi dalam berdakwah. Oleh itu, para pendakwah disarankan untuk mengajar atau menyantuni masyarakat Orang asli dengan baik dan cara yang mudah.

Beberapa pengetahuan juga perlu dikuasai oleh pendakwah supaya gerak kerja dakwah dapat dilaksanakan dengan baik ialah:

Pengetahuan Tentang al-Quran

Pendakwah perlu menguasai ilmu al-Quran seperti menguasai pembacaan yang baik dan menghafal surah-surah lazim yang mudah untuk diingati. Hal ini kerana melalui penguasaan ilmu al-Quran akan memudahkan pendakwah membimbing masyarakat Orang Asli mengenal al-Quran di samping boleh menjadi Imam solat kepada masyarakat Orang Asli. Mempunyai bacaan yang tepat dan betul mampu memberi panduan yang baik kepada pendengar dan menjadi satu proses pembelajaran yang tepat bagi maknum yang mendengar (Ismail Naim & Abdul Ghafar Don, 2019). Melalui kajian Razaleigh (2014) ketika solat Jemaah dapat memperbetulkan bacaan surah al-Fatihah kerana bacaan al-Fatihah adalah perkara yang wajib dalam solat. Kepentingan pendakwah menguasai *Tahsin al-Quran* dapat melahirkan masyarakat Orang asli Muslim yang boleh menghayati makna disebalik ayat al-Quran.

Pengetahuan asas perlu diterapkan dalam jiwa pendakwah supaya setiap penyampaian itu mempunyai isi yang sahih dan konkrit untuk digunakan serta dipercayai oleh pihak *mad'u*. Pendakwah yang mempunyai ilmu yang tinggi dan menguasai pelbagai bidang pengajian merupakan satu kemahiran yang diperlukan dalam dunia dakwah (Abdul Ghafar Don et. al, 2019). Kepentingan ilmu juga dititikberatkan dalam Islam yang selaras bagaimana termaktub dalam al-Quran (al-Mujadalah 58:11):

يَرْفَعُ اللَّهُ الْذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ إِمَّا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

Maksudnya: *Supaya Allah meninggikan darjah orang-orang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjah. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan.*

Berdasarkan ayat al-Quran tersebut menuntun para pendakwah supaya mempunyai ilmu pengetahuan untuk membimbing sasaran ke jalan Allah dengan baik dan diredhai. Hal ini kerana pendakwah merupakan tempat rujukan dan menjadi contoh ikutan orang ramai (Wan Hussein Azmi, 1988). Seseorang pendakwah perlu menguasai ilmu dengan lebih mendalam dengan sesungguhnya sesuai mengikut zaman semasanya. Berdakwah tanpa ilmu bukan sahaja mengakibatkan kegiatan dakwah tidak berkesan, malah boleh membawa kesesatan dalam masyarakat yang didakwahnya. Oleh itu, ilmu pengetahuan asas yang perlu diketahui oleh para pendakwah adalah tentang al-Quran dan seluruh isinya.

Pengetahuan Fardhu Ain

Pendakwah masyarakat Orang Asli juga perlu mempunyai kesediaan diri dalam pengetahuan asas fardhu ain seperti ilmu tauhid, ibadat, akhlak dan sirah-sirah Islam (Razaleigh, 2014). Pendidikan kepada masyarakat Orang asli perlu diberikan secara jelas dan berterusan supaya mereka dapat menghayati agama Islam dengan sempurna dan mencukupi. Antara keperluan utama dalam penyampaian dakwah adalah dengan memiliki pengetahuan asas dalam Islam. Aspek yang ditekankan dalam konstruk pengetahuan asas Islam adalah mengenai ilmu tauhid iaitu ilmu mengenal Allah SWT. Pengetahuan tentang ilmu akidah atau tauhid sangat penting untuk dikuasai oleh para pendakwah dan perkara ini juga turut ditekankan oleh Yusuf al-Qaradhawi (1986) iaitu mengenai pengetahuan Islam (*Thaqafat al-Islamiah*). Dari segi ilmu mengenal Tuhan perlu bermula daripada asas dan mudah seperti mengajarkan tentang rukun Islam dan rukun Iman. Selain itu, sifat-sifat Allah juga boleh diterapkan dalam pendidikan fardhu ain mereka (Zulkefli Aini et. al, 2019).

Selain daripada itu, pengetahuan dari sudut ibadat juga ditekankan dalam berdakwah. Mengetahui tentang amali ibadat mampu memberi pengajaran yang berkesan kepada masyarakat Orang asli. Namun pengajarannya perlu diselaraskan dengan baik dan berterusan supaya masyarakat Orang asli dapat melakukan ibadat dengan lebih sempurna. Perkara yang dapat membimbing masyarakat Orang asli dalam pengetahuan ibadat seperti menunjukkan cara berwudhuk dan solat dengan betul. Di samping dapat mengajarkan mereka berpuasa serta menerangkan sedikit sebanyak mengenai pahala dan ganjaran bagi mereka yang melakukan ibadat kepada Allah SWT. Selain itu, ilmu akhlak juga perlu diberi perhatian dan diterapkan ilmu tersebut dalam diri pendakwah. Adab atau akhlak merupakan satu dakwah yang boleh ditunjukkan melalui perbuatan supaya dapat diperhatikan dan dijadikan teladan kepada mereka yang memerhati terutama masyarakat Orang asli (Abd Aziz Mohd Zin, 1999).

Pengetahuan Latar Belakang Masyarakat Orang Asli

Masyarakat orang asli merupakan kaum minoriti di Malaysia. Taburan penduduk masyarakat asli terdapat banyak di kawasan pedalaman antaranya seperti di negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Selangor (Ahmad Fauzi, et. al, 2017). Pergaulan mereka yang agak terhad dan tertutup menjadi satu cabaran untuk berdakwah serta mendekati dengan cara baik. Secara asasnya, dalam berdakwah perlu mempunyai strategi dan pengetahuan yang meluas tentang maklumat sasaran. Antara keperluan pendakwah untuk berdakwah terhadap masyarakat orang asli adalah dengan mengetahui tentang latar belakang mereka. Cara untuk menarik minat sasaran adalah dengan cuba belajar atau mengerti budaya hidup mereka seperti mengetahui bahasa komunikasi mereka dan amalan yang sentiasa mereka lakukan sehari-hari.

Kebanyakkhan masyarakat orang asli masih mengamalkan adat dan budaya yang berteraskan kepercayaan animisme yang mempercayai bahawa pokok, batu dan sungai mempunyai kuasa yang baik dan jahat (Halim & Zulkefli, 2014). Perkara ini menyebabkan para pendakwah perlu mencari kaedah dalam menerangkan bahawa kejadian alam ini adalah diciptakan oleh Allah SWT. Dengan

mengetahui kepercayaan mereka sedikit sebanyak dapat membantu dalam menggerakkan kerja dakwah serta melaksanakan penyampaian dakwah dengan berhati-hati supaya tiada kesalahfahaman antara mereka tentang Islam.

Selain itu, mengambil tahu tentang minat masyarakat orang asli juga menjadi satu strategi untuk menarik mereka terhadap Islam. Pertanian atau bercucuk tanam menjadi salah satu pekerjaan yang utama terhadap masyarakat orang asli kerana mereka hidup di kawasan pedalaman yang mempunyai sumber hasil yang banyak (Mohd Muizzuddin, et. al, 2018). Sebagai pendakwah yang bertoleransi terhadap sasaran perlu menurut serta dalam kegiatan harian mereka supaya lebih mudah untuk memahami dan mendekati mereka dengan cara yang baik. Melakukan aktiviti sukan juga menjadi salah satu cara untuk merapatkan silaturahim pendakwah dengan masyarakat orang asli. Oleh itu, pendakwah perlu bijak dalam menyelami dan mengetahui cara kehidupan mereka supaya perjalanan dakwah Islam mampu dijalankan selaras mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

KONSTRUK PENDEKATAN DAKWAH

Pendekatan berasal daripada perkataan dekat yang bermaksud kaedah, cara, langkah-langkah dan strategi untuk mengatasi sesuatu masalah (Noresah Baharom, 2005). Mengenai pendekatan dakwah pelbagai istilah digunakan oleh pengkaji dalam bidang dakwah seperti metode, *uslub*, *manhaj*, dan *wasilah*. Perkataan metode, *uslub*, *manhaj*, pendekatan, kaedah dan cara mempunyai pengertian yang sama (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001). Dalam dakwah masyarakat Orang Asli memerlukan kepada pendekatan yang tersendiri untuk menarik minat mereka supaya pelaksanaan gerak kerja dakwah berjaya dijalankan. Pendekatan psikologi kebiasaannya digunakan ketika berdakwah kepada masyarakat Orang asli kerana pengaruhnya memberi kesan yang besar kepada sasaran (Ab. Aziz, 2001). Oleh itu, terdapat beberapa pendekatan yang dapat digunakan dalam gerak kerja dakwah terhadap masyarakat Orang asli iaitu dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami, selain itu, beransur-ansur, memujuk, mengambil kira tentang latar belakang sasaran, menjaga kebijikan mereka, membuat projek keusahawanan dan mempunyai jaringan pintar serta syura dalam kalangan mereka.

Mudah

Dalam berdakwah terhadap masyarakat Orang asli, pendakwah memerlukan persediaan yang rapi seperti mempelajari sedikit bahasa mereka supaya mudah untuk berkomunikasi dan menyampaikan isi kandungan dengan baik. Menggunakan perkataan mudah juga menjadi satu pendekatan yang baik kerana tabiat manusia yang tidak suka kepada sesuatu yang membebangkan (Ab. Aziz, 2001) pendekatan mudah juga dapat menjinak dan menarik perhatian sasaran kerana mudah merupakan pendekatan psikologi yang melibatkan emosi (Zulkefli Aini, 2018). Dakwah dalam bentuk mudah juga dijadikan satu dasar kepada Islam. Firman Allah SWT menjelaskan perkara tersebut dalam surah al-Haj ayat 78;

هُوَ اجْتَبَأْتُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرْجٍ

Maksudnya: Dia lah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya); dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.

Ayat tersebut menjelaskan bahawa tidak diwajibkan untuk memberatkan atau menyusahkan pemeluknya kerana Islam itu mudah dan tidak membebangkan. Acmad Mubarok (1997) telah menyenaraikan ciri-ciri bahasa yang mudah difahami iaitu bersifat ringan penyampaiannya, sederhana dan mudah diterima oleh golongan yang mendengar. Hasil kajian Nur

Damia & Zulkefli Aini (2017) mendapati bahawa terdapat tiga elemen khusus dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami iaitu tidak menggunakan istilah-istilah yang sukar difahami, tidak menggunakan dialek loghat negeri kelahirannya, dan menjelaskan sesuatu mesej dakwah dalam bentuk gambaran atau lukisan. Teknik dalam penyampaian perlu dilakukan dengan kreatif dan inovatif supaya dapat menarik minat sasaran (Rohani, Hazri & Nordin, 2010).

Beransur-ansur

Beransur-beransur merupakan satu konsep pengajaran yang bertahap berdasarkan tahap pemikiran sasaran dan menjadi keutamaan bagi Rasulullah SAW dalam berdakwah. Jum'ah Amin (2011) telah membincangkan dalam kitabnya yang bertajuk *al-Dakwah, Qawa'id wa usul* tentang *al-tadarruj fi al-takalif* yang bermaksud bertahap dalam memberi bebanan atau isi pengetahuan kepada sasaran. Antara perkara yang dibincang seperti berbicara sesuai dengan kadar pemikiran seseorang, kemudian menunda sesuatu penjelasan sekiranya tidak dapat difahami oleh sasaran buat masa tersebut. Manakala menurut Dr 'Aidh Abdullah Al-Qarni (2007) telah menyenaraikan lima aspek *manhaj* atau cara Rasulullah SAW dalam berdakwah iaitu yang pertama dimulai dengan menyebarluaskan ilmu pengetahuan meliputi ajaran Islam keseluruhannya. Aspek yang kedua pula ialah Rasulullah SAW tidak pernah meminta balasan atau ganjaran terhadap apa yang dihulurkannya terutama dalam mengembangkan dakwah Islam di serata tempat. Aspek yang ketiga adalah berkaitan dengan dakwah *tadarruj* iaitu beransur-ansur. Dalam *manhaj* ini Rasulullah memulakan dakwah Islam dengan menyemai dan memantapkan akidah orang Islam di Mekah. Kemudian *manhaj* Rasulullah SAW disusuli pula dengan penyerapan syariat yang lain sama ada dalam bentuk kewajipan atau perkara-perkara sunat. Perkara yang dilangsung oleh Rasulullah ketika berdakwah adalah aspek akhlak yang menjadi ikutan oleh orang ramai. Seterusnya, antara lain yang disebut oleh beliau dalam aspek *manhaj* Rasulullah SAW yang keempat ialah dengan bersikap lemah lembut dan menyayangi *mad'u*, manakala aspek yang kelima ialah bersikap responsif terutama terhadap masalah golongan sasaran. Setiap *manhaj* Rasulullah SAW sangat sesuai diaplikasikan dalam dakwah terhadap masyarakat orang asli kerana Rasulullah mengajarkan satu persatu secara beransur-ansur terhadap *mad'u* dan mendahuluikan perkara yang penting dalam Islam.

Dalam berdakwah kepada masyarakat orang asli perlu kepada penyusunan modul mengikut kepada kesesuaian tahap pemikiran mereka berdasarkan kesyumulan Islam bermula dengan penerapan akidah dan disusuli dengan pemahaman dari segi aspek syariat iaitu ibadat, munakahat, muamalat dan jinayah. Kemudian perlulah diakhiri dengan aspek akhlak Islamiyyah. Penerapan akhlak Islamiyyah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan manusia. Oleh itu, ketiga-tiga aspek tersebut perlu diberikan perhatian dan perlu dipelajari secara beransur-ansur mengikut kesesuaian waktu dan keadaan mereka. Hikmah dalam menggunakan pendekatan secara beransur-ansur adalah dapat menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih jelas dan terang serta memberi kesiapsiagaan dalam menerima sesuatu ilmu terutama dalam ilmu agama Islam (Noraini & Mariam, 2016).

Memujuk (*Persuasive*)

Pemujukan ialah satu proses yang berlaku apabila seseorang menggunakan nilai dan meraih kepercayaan serta mempunyai sikap pendengar terhadap sasaran (Trenholm, 1989). Memujuk merupakan pendekatan dakwah yang berkaitan dengan psikologi kerana melibatkan perasaan dalam dan emosi seseorang (Smith, 1982). Menurut Aristotle (2014) pula menyatakan bahawa terdapat tiga ciri-ciri dalam komunikasi pemujukan iaitu personaliti pengucap (*ethos*), yang kedua ialah pujukan emosi pendengar (*pathos*), dan yang ketiga ialah pujukan intelek atau rasional (*logos*). *Ethos* memberi maksud ketrampilan diri perucap dengan sejumlah imej dan identiti diri

yang akan dinilai oleh para pendengar. *Ethos* menjadi satu indikator dalam keberkesanan penyampaian dakwah untuk melihat tahap kualiti diri pendakwah. Hal ini kerana, orang ramai mampu menilai atau mengkritik seseorang perucap berdasarkan apa yang disampaikan. Manakala *pathos* pula diertikan sebagai penzahiran pengucap dalam menggunakan tarikan emosi mengikut pemikiran dan menggunakan penghujahan untuk menarik minat pendengar. Elemen ini melibatkan psikologi khalayak atau pembujukan psikologi pendengar. Penguasaan *pathos* ini boleh membangkitkan perasaan seronok, sedih, cinta, benci dan kemarahan terhadap isu yang ditimbulkan. Oleh itu, keperluan pendakwah dalam menggunakan kaedah ini adalah perlu menyelami serta menentukan gaya teks ucapan mengikut konteks sasaran dan tahap pemikiran mereka. Seterusnya ciri pembujukan yang ketiga ialah *logos* yang bermaksud membujuk intelek atau rasional manusia. *Logos* akan mengutamakan kesahihan setiap kenyataan dengan membawa hujah-hujah yang bernas dan tidak bergantung kepada imej semata-mata. Dengan cara ini, pendakwah perlu membawa isi kandungan tersebut dengan strategi yang baik dan membawa contoh yang jelas untuk disampaikan kepada sasaran terutama terhadap masyarakat orang asli (Nor Raudah, 2000).

Mengambil Kira Latarbelakang Masyarakat Orang Asli

Mengenalpasti latarbelakang sasaran adalah kunci utama sebelum menggerakkan kerja dakwah supaya menghasilkan keberkesanan dalam dakwah (Zaydan, 2000). Sebagai pendakwah yang bijaksana pasti akan mengetahui serba sedikit mengenai latar belakang sasaran. Dalam kajian ini akan menumpukan sasaran terhadap masyarakat orang asli. Masyarakat orang asli merupakan golongan minoriti yang hidup di kawasan pedalaman. Masyarakat orang asli memang kaya dengan adat resam dan budaya kerana mereka hidup di kawasan pedalaman yang berkait dengan alam semula jadi. Mereka juga sangat kuat dalam berpegang teguh terhadap ajaran dan kepercayaan nenek moyang.

Adat masyarakat orang asli juga mempunyai amalan yang tersendiri terutama ketika menyambut hari-hari kebesaran mereka. Antara amalan yang dilakukan oleh masyarakat orang asli adalah dengan mengubati penyakit menggunakan jampi serapah diiringi dengan tarian yang tertentu. Jika dilihat secara umumnya, kebanyakkan tarian dan nyanyian mereka dilakukan bukan sekadar hiburan, malahan tujuannya adalah untuk mengubati penyakit dan menghalau roh-roh jahat. Tarian yang menjadi popular dalam kalangan masyarakat orang asli suku kaum Temuan, Ja Hut dan Che Wong ialah *Tarian Lilin*. Tarian ini kebiasanya akan dilakukan ketika hari keramaian majlis perkahwinan dan selepas menuai padi. Mereka percaya bahawa kekuatan lilin yang melekat pada piring mampu menjadi asas yang kukuh walaupun tapaknya tidak besar serta berupaya menerangi orang lain. Selain itu, tarian *Sewang* juga popular di kalangan masyarakat orang asli kaum Semai yang menjadi sebagai penyembahan kepada makhluk ghaib.

Pantang larang merupakan satu simbolik kepada orang asli kerana masih mempercayai sesuatu perbuatan mampu membawa nasib yang kurang baik kepada mereka. Mengetahui pantang larang masyarakat orang asli boleh dijadikan sebagai tanda untuk menghormati dan mendekati mereka dengan baik. Terdapat pelbagai pantang larang dalam kalangan masyarakat Orang Asli seperti berbentuk *ethos*, *mores* dan *folkways*. Umpamanya ketika waktu nyaap (mambang kuning), mereka melarang anggota-anggotanya membuat bising atau bersuka ria kerana mereka percaya bahawa waktu senja bagi manusia adalah waktu pagi bagi nyaniik. Manakala ketika waktu kematian pula, terdapat pantang larang dan peraturan yang ketat perlu dipatuhi oleh mereka. Antaranya, ibu-ibu mengandung dan mempunyai anak kecil dilarang mendekati mayat tersebut kerana dikhuatiri anak yang mereka kandung akan terkenan orang mati dan susah untuk melahirkan anak. Oleh yang demikian, masih banyak pantang larang masyarakat orang asli yang membentuk keperibadian mereka dan menjadikan mereka mempunyai keunikan tersendiri. Oleh

itu, keperluan pendakwah dalam mengetahui latarbelakang mereka menjadi satu strategi untuk mendekati mereka dalam mempelajari ilmu agama Islam (Mohd Mizan & Shuhairimi, t.t).

Kebajikan

Dakwah melalui kebajikan dapat memberi ruang dalam mendekati masyarakat orang asli dengan baik. Menurut kajian Mohd Zairul (2018) dakwah kebajikan merupakan bentuk dakwah bil-Hal yang sering digunakan oleh pihak gerakan dakwah kerajaan atau badan-badan dakwah bukan kerajaan (NGO). Keperluan dakwah dalam menjaga kebajikan dakwah dapat meringankan beban masyarakat orang asli dan memberi kemudahan serta pelindungan yang baik kerana mereka hidup jauh dari bandar. Dengan cara ini dapat menarik minat mereka dalam mendekati Islam secara berperingkat. Antara kebajikan yang dapat disediakan terhadap masyarakat orang asli adalah dengan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui bantuan doktor udara. Penjagaan kesihatan sangat penting bagi setiap individu demi mengembangkan generasi yang sihat.

Selain itu, usaha dakwah dalam kebajikan adalah dengan menubuhkan jawatan kuasa di kampung tertentu yang dikenali sebagai jawatan kuasa muhibah (Zairul, 2018). Dengan cara ini secara tidak langsung menjadi satu pendekatan dalam dakwah terhadap masyarakat orang asli dengan membuat projek-projek kebajikan dan mewujudkan persafahaman antara masyarakat orang asli dengan pendakwah. Kebajikan yang boleh dilakukan oleh pendakwah juga adalah dengan melaksanakan program ziarah dan ramah mesra dengan masyarakat orang asli. Hal ini menjadi satu cara untuk membina hubungan yang baik antara pendakwah dan masyarakat orang asli. Selain itu juga, membersih kawasan penempatan masyarakat orang asli menjadi satu aktiviti kebajikan yang dapat dilakukan oleh pihak gerakan dakwah masyarakat orang asli. Oleh hal demikian, setiap aktiviti kebajikan menjadi salah satu pendekatan dakwah yang baik dalam membina hubungan antara masyarakat orang asli dengan pendakwah.

Pembangunan Sosio-ekonomi (Projek Keusahawanan)

Kemasyarakatan orang asli mempunyai kualiti hidup yang rendah sehingga menyebabkan ramai dalam kalangan mereka menghadapi kemiskinan. Salah satu pendekatan yang boleh digunakan dalam dakwah terhadap masyarakat orang asli adalah dengan membuat pembangunan ekonomi di kawasan kediaman mereka. Membina projek keusahawanan mampu menaiktarafkan hidup mereka supaya lebih terjamin kehidupan masa akan datang. Antara keperluan dalam melancarkan keusahawanan dalam kalangan masyarakat asli adalah membuat program yang bersifat memelihara dan mengutamakan fitrah semulajadi manusia. Hal ini secara tidak langsung dapat menghayati keindahan Islam melalui ciptaan Allah SWT.


Aktiviti kebiasaan yang dilakukan oleh kebanyakan pendakwah dalam sosio-ekonomi masyarakat orang asli antaranya seperti membuat pembangunan tanah, melatih masyarakat orang asli membuat perusahaan dan perindustrian kecil. Sokongan pendakwah sebagai pendorong adalah dengan menyediakan modal aset seperti pembelian jentera untuk pertanian dan membuat kelas usahawan bagi mereka yang berminat serta berbakat dalam pembangunan sektor ekonomi (Aisyah Jami'an, 2013). Melahirkan ramai usahawan mampu membina serta memajukan masyarakat setempat melalui hasil keusahawanan mereka. Selain itu, aktiviti penternakan juga menjadi satu aktiviti ekonomi yang mampu dilakukan oleh masyarakat orang asli. Bimbingan keusahawanan sangat diperlukan bagi meningkatkan taraf kehidupan masyarakat asli supaya lebih maju dan terjamin tentang sara hidup mereka seharian. Sebagai pendakwah masyarakat orang asli perlu mempunyai ilmu tentang ekonomi dan keusahawanan bagi melatih masyarakat orang asli untuk membina kerjaya tersendiri dalam mengendalikan sumber hasil di kawasan mereka.

Usaha lain yang boleh dilakukan dalam pembangunan ekonomi masyarakat orang asli adalah dengan membuka pusat latihan kemahiran seperti kemahiran kraftangan, jahitan,

pertukangan dan mekanikal (Mohd Zairul, 2018). Kemahiran ini berdasarkan kebiasaan aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat orang asli serta bergantung kepada minat mereka. Sebelum ini pihak Jabatan Kebajikan Orang asli (JAKOA) juga pernah menyumbang sedikit sebanyak bantuan terhadap masyarakat orang asli bagi meningkatkan pendapatan ekonomi mereka. (Ahmad Redzuwan, 2008). Justeru itu, menghulurkan bantuan terhadap masyarakat orang asli menjadi tanggungjawab pendakwah sama ada dalam bentuk sedekah wajib, sedekah sunat atau apa-apa bantuan seperti pakaian, makanan dan alat kegunaan sehari-hari mereka. Sumbangan ini dapat memberi kesan yang besar dalam gerak kerja dakwah dan meningkatkan taraf ekonomi masyarakat orang asli setaraf dengan peredaran zaman.

DAPATAN KAJIAN

Tinjauan awal berdasarkan analisis terhadap literatur mendapati lima konstruk penting yang perlu menjadi garis panduan pendakwah masyarakat orang asli, iaitu: Pengetahuan, pendekatan, kandungan, kemahiran dan sikap. Artikel ini hanya membataskan perbincangan kepada konstruk pengetahuan dan pendekatan sahaja. Hasil dapatan kajian memperoleh dua konstruk penting terhadap pendakwah adalah dengan mempunyai pengetahuan dan menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan sasaran. Berikut adalah rajah hasil dapatan kajian konstruk garis panduan pendakwah masyarakat orang asli.



PERBINCANGAN

Dalam kajian ini menfokuskan tentang pendakwah masyarakat orang asli dalam melaksanakan dakwah. Keperluan diri sebagai pendakwah masyarakat orang asli memerlukan persediaan yang tersendiri kerana komuniti orang asli yang tinggal di kawasan pedalaman sedikit berbeza berbanding masyarakat yang tinggal di bandar. Maka bentuk pendekatan dalam berdakwah juga menjadi sedikit berbeza daripada kebiasaannya. Menyampaikan dakwah kepada masyarakat yang mempunyai kepercayaan dan pegangan yang berbeza memberi cabaran kepada pendakwah untuk menyelusuri dakwah Islamiah terhadap mereka. Masyarakat orang asli mempunyai pengaruh dan

pegangan kuat yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka seperti kepercayaan animisme serta adat dan pantang larang yang diamalkan oleh mereka (Syed Abdurrahman, 2010). Oleh kerana itu, pendakwah memerlukan kepada penguasaan terhadap dua aspek penting dalam menggerakkan dakwah iaitu pengetahuan dan pendekatan dalam berdakwah.

Dalam kajian Ismail Naim (2019) membincangkan mengenai kepentingan dalam aspek pengetahuan dan kemahiran dalam dakwah terhadap masyarakat orang asli. Kajian beliau menekankan aspek pengetahuan berdasarkan teori *Thaqafah al-Dai'iyah* yang dikemukakan oleh Yusuf al-Qaradawi iaitu pengetahuan berteraskan Islam (*Thaqafah al-Islamiah*), pengetahuan berteraskan sejarah (*Thaqafah al-Tarikhyyah*), pengetahuan berteraskan Sastera dan Bahasa (*Thaqafah al-Adab wa al-Lughawiyah*), pengetahuan berteraskan Kemanusiaan (*Thaqafah al-Insaniah*), pengetahuan berteraskan Ilmiah (*Thaqafah al-'ilmiah*) dan pengetahuan berteraskan realiti (*Thaqafah al-Waq'iyyah*). Analisis kajian mendapati bahawa sangat penting untuk pendakwah menguasai aspek pengetahuan supaya dapat mengenalpasti pendekatan dakwah apa yang boleh digunakan dalam setiap lingkungan masyarakat. Manakala dalam kajian Mohd Zairul (2018) pula membahaskan tentang pendekatan dakwah bi al-Hal terhadap masyarakat orang asli di Malaysia. Dalam kajian beliau adalah untuk mengenalpasti pendekatan dakwah bi al-Hal yang digunakan oleh pendakwah masyarakat orang asli yang dilantik daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hasil kajian mendapati terdapat tiga bidang utama yang berkaitan dengan dakwah bi al-Hal iaitu kebijakan, pendidikan dan sosio-ekonomi ini dapat menarik minat masyarakat orang asli terhadap Islam.

Justeru itu, keperluan pendakwah dalam menguasai aspek pengetahuan dan pendekatan adalah sangat dituntut dan diperlukan dalam konteks dakwah masyarakat orang asli. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang dakwah memberi manfaat dan kebaikan dalam melaksanakan dakwah Islamiah. Para *mad'u* juga dapat menghayati ilmu agama Islam dengan baik jika pendakwah mempunyai penguasaan penuh dalam aspek keilmuan serta cara mendekati sasaran dengan betul. Sebagai pendakwah yang berjaya dan bijaksana perlu membuat persediaan yang rapi dalam setiap aspek terutama dalam aspek pengetahuan dan pendekatan.

KESIMPULAN

Setiap dakwah memiliki cabaran dan halangan yang tersendiri. Sebagai pendakwah memerlukan kepada persiapan yang lengkap untuk menghadapi pelbagai cabaran yang mendarat. Pendakwah sangat memainkan peranan penting dalam dakwah demi memastikan setiap pelaksanaan dapat dilakukan dengan baik dan memberi kesan yang positif terhadap *mad'u*. Pendakwah perlu bertindak dengan bijak dan berstrategi kerana setiap tindakan menjadi satu ajaran atau contoh oleh khalayak ramai. Pembangunan dan kesejahteraan masyarakat perlu dijadikan objektif oleh pendakwah terutama dalam dakwah masyarakat Orang Asli. Islam merupakan agama yang menyeluruh, maka perlu dititikberatkan dalam setiap aspek kehidupan. Peranan dakwah dalam Islam memberi impak yang besar terhadap kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, penyampaian dakwah dan setiap konstruk yang dibina menjadi satu kepentingan kepada pendakwah untuk diaplikasikan dalam kegiatan dakwah selaras dengan pensyariatan Allah SWT.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menganugerahkan geran penyelidikan FRGS/1/2021/SS03/UKM/02/2.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 1999. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Aziz. Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Zulkefli Aini, Badlihisham Mohd.Nasir & Marlon Guleng. 2019. *Kesediaan, sikap dan motivasi: Penggerak Masyarakat Orang asli (PMOA) dalam aktiviti dakwah kepada Orang asli di Malaysia*. Islamiyyat. 41(2) 2019: 99-105
- Abdullah Muhammad Zin. 2004. *Falsafah dan Etika Pengurusan Islam*, dalam Ali Yakub Matondang et al. (eds.), *Asas Kecemerlangan Ummah*, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 15.
- Abdurahman Abdullah & Abdul Ghafar Don. (2018). *Konsep Komitmen Penggerak Masyarakat Orang asli (PMOA)* JAKIM. Jurnal At-Tahkim. 8(4): 1-7. Achmad Mubarok. 2002. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Achmad Mubarok. 1999. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Ahmad Fauzi Shahar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mohd Hakim Arshad, Ahmad A'toa Mokhtar & Zulkefl Aini. 2017. *Faktor Tarikan Masyarakat Orang Asli Memeluk Islam di Selangor*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3. Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Ahmad Redzuwan. 2008. *Dakwah Masyarakat Orang asli Negeri Pahang*. Karisma Production Sdn. Bhd. Selangor.
- 'Aidh Abdullah al-Qarni. 2007. *Petunjuk Dakwah dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Aisyah Jami'an. 2013. *Program Dakwah dan Peningkatan Kualiti Hidup Saudara Baru Orang Asli*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Al-Ghazali. (1986). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Edited by Zayn al-Din Abi al-Fadl 'Abd al-Rahim ibn al-Arifin, H. M. 1977. *Psikologi Da'wah: Suatu Pengantar Studi*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Aristotle. 2014. *Rhetoric*. Roberts, W. R. South Australia: ebooks@Adelaide.
- Azyumardi Azra et.al. 2003. *Ensiklopedia Islam* 2. Jakarta: PT. Bachtiar Baru.
- Fariza Md. Sham & Azyyati Mohd Nazmi. 2015. *Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa*. Jurnal Hadhari: Jilid 7 (2), 63-73.
- Halim & Zulkefli Aini. 2018. *Dakwah Islamiah Kepada Orang asli di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan*. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective. Pusat Kajian dakwah Orang asli dan Pribumi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haliza Abdul Rahman. 2018. *World View Masyarakat Orang asli dan Pelestarian Alam Sekitar*. Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu. Universiti Putra Malaysia.
- Husayn al-'Iraqi. 4 volumes. Bayrut: Dar al-Ma'rifah, [Ihya'].
- Ibrahim bin Muhammad bin Hamzah al-Husaini al-Hanafi. 2018. *Al-Bayan wa al-Ta'riff fi Asab wurud al-hadith al-Syarif*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ideris Endut. 1997. "Peranan Psikologi Masyarakat Islam" dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ismail Naim & Abdul Ghafar Don. 2019. *Kepentingan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Orang asli*. Jurnal Al-Hikmah 11(2): 20-36.

- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki. 2017. *Aktiviti Dakwah Jakim Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan Cabarannya*. Malaysian Journal for Islamic Studies. Jilid 1.
- Jum'ah Amin Abd Aziz. 2011. *Al-Da'wah Qawa'id wa usul*. Era Intermedia. Surakarta.
- Kamarul Azmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Khoirul Fadli. 2010. *Peranan Pendakwah Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Medan Indonesia*. Disertasi Ijazah Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Maraghi, Ahmad Musthofa. 1974. *Tafsir Al-Maraghi*. Bayrut: Dar Al-Fikr.
- Minah Sintian, Julita @ Norjieta Taisin, Ani Omar & Siti Nor Amalina. 2018. *Kearifan Lokal Masyarakat Kadazandusun dalam Pertanian Membantu Pelestarian Alam*. Conference Paper 2018. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohammad Shukri Draman. 2010. *Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru: Kajian di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Mohd Mizan & Shuhairimi. T.t. *Pembentukan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal*. Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan. Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi & Mohd Nasaruddin Mohd Nor. 2018. *Kesedaran Pendidikan dan Minat Kerja Pelajar Orang asli Suku Kaum Jakun di Rompin, Pahang*. Malaysian Journal of Society and Space 14(1): 72-86.
- Mohd Zairul & Abdul Ghafar Don. 2018. *Pendekatan Dakwah Bi Al-Hal Terhadap Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. At-Tahkim. Vol 8: 2541-3856. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Damia Husna Nor Sad. 2017. *Komunikasi Bahasa Pendakwah Masyarakat Orang Asli*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Raudah Siren. 2000. *Retorik Pengucapan Dakwah Ustaz Ismail Kamus*.
- Noraini & Mariam. 2016. *Konsep Al-Tadarruj Dalam Penyampaian Dakwah Terhadap Saudara Baru*. International Conference On Aqidah, Dakwah And Syariah 2016. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Noraini Mohamad & Mariam Abdul Majid. 2016. *Konsep Al-Tadarruj Dalam Penyampaian Dakwah Terhadap Saudara Baru*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Noresah Baharom. 2005. *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur.
- Nur Damia & Zukefli Aini. 2017. *Bahasa Da'ie dalam Komunikasi Dakwah Kepada Masyarakat Orang asli*. Al-Hikmah 9(11): 110-127.
- Nur Najwa Hanani, Akmaliza Abdullah, Siti Norlina, Mohammad Naqib Hamdan & Abdul Basit Samat @Darawi. 2019. *Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Masalah Saudara Baru*. Seminar Serantau Dakwah dalam Masyarakat Majmuk. Persatuan Ulama' Malaysia. Kuala Lumpur.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. *Keperluan Bimbingan Muallaf*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. 2010. *Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?* Jurnal Pendidikan Malaysia 35(2): 61-69.
- Smith, M. J. 1982. *Persuasion and Human Action*. Belmont: Wadsworth.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2010. *Dakwah kepada Orang asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan*. Jurnal Usuluddin. September: 155-179.
- Trenholm, Sarah. 1989. *Persuasion and social influence*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall.

- Wambui, Kibui & Gathuthi. 2012. *Communication Skills*. Lap Lambert Academic Publishing.
- Wan Hussein Azmi. 1988. *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf al- Qaradawi. 1986. *Thaqafat al-Da'iyah*. Cetakan ke 8. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Zaydan Abd al-Karim. 2013. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zikmal Fuad & Noorhafifah. 2019. *Metodologi Dakwah Pendakwah Terhadap Saudara Baru*. Persidangan Antarabangsa Tokoh Melayu Nusantara, 193– 200. http://conference.kuis.edu.my/pantumn/images/eprosiding/eprosiding_pant_umn2019_003.pdf
- Zulkefli Aini & S.Salahuddin Suyurno. 2016. *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don & Nur Usrah Ahmad Fauzi. 2018. *Topik-Topik Komunikasi Dakwah Dalam Mesej Akidah Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor*. Jurnal Sains Insani 3(20), 15-21.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh & Nur Damia. 2019. *Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Bimbingan Fardu Ain Orang Asli Muslim di Selangor*. International Journal of Law, Government and Communication. 4 (17): 34-47. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini & Faiz Rahim. 2020. *Maklum Balas Orang Asli Terhadap Pendakwah di Selangor*. Jurnal Hal Ehwal Islam Selangor. Bil (4): 1.